

UCTS diyakini siap ikut jadual



MAKLUMAT: Wong (dua kiri) diberi penerangan oleh jurutera projek sambil disaksikan oleh Toh (dua kanan) berlatar belakang UCTS yang sedang rancak dibina di Sibul semalam.

Pemaju projek mempunyai pengalaman menyiapkan projek besar dalam waktu yang singkat, kata Wong

SIBU: Fasa pertama Kolej Universiti Teknologi Sara-wak (UCTS) yang sedang dalam pembinaan diyakini akan dapat disiapkan meng-ikut tarikh yang ditetapkan iaitu pada Julai tahun depan.

“Setelah melihat progres projek tadi, saya percaya pihak pe-maju mampu menyiapkan kolej universiti ini mengikut jadual yang telah ditetapkan,” kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Masyarakat Dato Sri Wong Soon Koh pada sidang media di tapak projek UCTS, Jalan Teku, di sini semalam.

Mengenai jangka waktu penyiapan projek yang dianggap terlalu singkat, Wong yang juga Menteri Kewangan Kedua memberitahu selain mutu kerja dan profesionalisme pemaju, kepercayaan beliau adalah berdasarkan pengalaman pemaju yang pernah menyiapkan projek besar sebelum ini.

“Mereka (Hock Peng Organisation) merupakan kontaktor yang bagus, jika mengambil kontraktor lain projek ini mungkin akan mengambil masa lebih panjang.

“Hock Peng pernah me-nyiapkan Masjid Balingian untuk jangka masa 52 hari dan Rumah Rehat Sri Saujana di Pulau Li Hua dalam tempoh 72 hari,” ujar Wong.

Sebelum itu, Wong ditemani Pengarah Pengurusan Hock Peng Organisation Toh Chiew Hock melakukan lawatan ke tapak binaan kolej universiti itu bagi melihat sendiri perkembangan projek di atas tanah seluas

96.98 ekar.

Wong memberitahu apabila siap kelak, kolej itu bakal menjadi salah satu institusi pengajian tinggi (IPT) yang mengagumkan di negara ini.

“Apa yang penting bangunan kolej universiti yang akan siap kelak akan menjadi sebagai IPT yang memiliki bangunan ‘hijau’ dan suasana sekeliling mesra alam yang terbaik,” katanya.

Fasa pertama UCTS melibatkan pembinaan sembilan blok utama iaitu blok pentadbiran, perpustakaan, blok aktiviti pelajar, dewan kuliah untuk Fakulti Elektrikal dan Elek-tronik, Fakulti Pengurusan Sains dan Fakulti Sains Umum.

“Ketika ini pemaju sedang mendirikan kesemua sembilan blok secara serentak yang me-libatkan kerja-kerja pembinaan bermula dari jam 7 pagi hingga 9 malam.

“Untuk mempercepatkan pembinaan mungkin selepas ini pemaju akan menambah bilangan pekerjaanya yang pada waktu ini diperkuatkan oleh lebih 200 tenaga kerja,” katanya.

Setelah siap nanti, UCTS fasa pertama dijangka mampu menampung seramai 3,000 pelajar pada satu-satu masa.

Menyentuh mengenai pentadbiran dan kursus yang ditawarkan UCTS, Wong enggan mengulas mengenainya kerana bukan bidang kuasa beliau.

Jelasnya, antara kerja-kerja paling mencabar pada pembi-naan itu ialah dua laluan penghubung yang menganjur dari utara ke selatan dan timur ke barat yang masing-masing ber-ukuran 200 dan 300 meter de-ngan ketinggian empat tingkat.

“Selain itu, taman teknologi seluas 32 ekar yang akan dibina juga merupakan projek mencabar kerana melibatkan kepakaran pihak luar seperti Jerman dan Perancis,” katanya.

Antara kemudahan-kemudahan lain yang akan dibina di sekitar kawasan UTCS dalam fasa pertama itu adalah surau, pondok pengawal, pintu utama, panel tenaga solar dan kolam-kolam kecil.